



## SIARAN MEDIA

### PENGARAH FILEM YANG TERLANTAR AKIBAT KEMALANGAN MENDAPAT PERLINDUNGAN PERKESO

**RAWANG, SELANGOR –** Nasib Pengarah Filem yang bekerja sendiri, **Wan Saiful Shahrizan Wan Nawi**, yang terlibat dalam kemalangan sewaktu dalam perjalanan untuk meninjau lokasi penggambaran pada Mac lalu, dibela Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Wan Saiful, yang dilindungi oleh **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)** PERKESO, layak menerima **Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS)** berserta peralatan sokongan pemulihan.

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed** hari ini menziarahi Wan Saiful, 40, di kediaman beliau di Rawang sambil menyerahkan faedah PERKESO.

Turut mengiringi Dato' Sri Dr Mohammed Azman adalah Tuan Khalil Haji Salleh, Presiden Persatuan Pekerja Professional Filem Malaysia (PROFIMA), Puan Zaidatul Shima Mohamad Hanafiah, Setiausaha PROFIMA, Tuan Haji Mohamad Haron Othman, Ketua Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri, dan Tuan Ismail Abi Hashim, Pengarah PERKESO Negeri Selangor.

Pada **16 Mac 2023** lalu, Wan Saiful bersama rakan produksi telah mengalami kemalangan di **KM 269 Lebuhraya Utara Selatan ke arah utara** ketika dalam perjalanan menaiki van dari Rawang menuju ke Perlis bagi membuat tinjauan lokasi penggambaran untuk filem *Aku Awang Belanga*. Beliau telah dikejarkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak untuk rawatan dan dimasukkan ke wad selama 12 hari.

Kemalangan tersebut telah mengakibatkan kecederaan serius di mana beliau patah peha kanan, patah tulang belakang, patah rusuk kiri, patah rusuk kanan serta lumpuh dari paras pinggang ke bawah.

Sebaik sahaja mendapat tahu tentang keadaan Wan Saiful, PERKESO telah mengambil tindakan segera membuat semakan caruman dan didapati beliau merupakan pencarum **SKSPS** dan layak menerima faedah PERKESO. Susulan itu, beliau layak menerima **FHUS** di bawah SKSPS berjumlah **RM4,960.01** berdasarkan cuti sakit selama 120 hari yang diberi oleh doktor yang merawat beliau. Beliau juga dibekalkan alat sokongan pemulihan *commode chair* dan lampin pakai buang dewasa.

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman hari ini telah menyerahkan faedah tersebut kepada Wan Saiful, yang mencarum dengan SKSPS menerusi inisiatif **SPS Padanan Caruman** di bawah kategori **SPS Seni** pada **30 Disember 2022**. Ini bermakna, beliau dilindungi SKSPS sehingga **29 Disember 2023**.

Menerusi SPS Padanan Caruman, **Kerajaan membiayai 80 peratus** daripada bayaran caruman SKSPS bagi **Pelan Caruman 2** iaitu sebanyak RM186.20 manakala **individu bekerja sendiri** hanya perlu membayar baki **20 peratus atau RM46.60** untuk mencukupkan bayaran Pelan 2 Caruman SKSPS bernilai RM232.80 bagi perlindungan selama 12 bulan.

SKSPS, di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)**, memberi perlindungan kepada golongan bekerja sendiri daripada **bencana pekerjaan sendiri** termasuk **penyakit pekerjaan** dan **kemalangan perjalanan** sewaktu menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri. Selain FHUS, Skim ini juga menyediakan manfaat seperti **Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Kemudahan Pemulihan Jasmani/Vokasional, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, dan Faedah Pinjaman Pendidikan**.

Untuk memudahkan individu bekerja sendiri mendapat perlindungan SKSPS, PERKESO menyediakan **empat (4) Pelan Caruman** mengikut pilihan masing-masing dengan caruman serendah **RM157.20 setahun atau RM13.10 sebulan**.

Sehingga **9 Julai 2023**, seramai **2,775** anak seni aktif mencarum di bawah Akta 789. PERKESO telah meluluskan **27 tuntutan faedah** SKSPS yang melibatkan Sektor Kesenian, membabitkan jumlah bayaran terkumpul sebanyak **RM80,117** sejak tahun **2020**.

Walaupun SKSPS telah dikuat kuasakan pada **1 Jun 2017**, hanya seramai **666,000 individu bekerja sendiri dilindungi PERKESO**, berbanding **lebih 2.9 juta orang bekerja sendiri** di negara ini. Sehubungan dengan itu, PERKESO menyeru mereka yang bekerja sendiri supaya segera berdaftar dan mencarum dengan SKSPS agar kebajikan mereka dan keluarga dapat dibela PERKESO sekiranya mereka terlibat dalam kemalangan, mengalami penyakit khidmat ataupun meninggal dunia yang berkaitan dengan aktiviti perkerjaan sendiri. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi laman sesawang rasmi PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Careline PERKESO 1-300-22-8000 atau e-mel [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT**

**18 Julai 2023**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

Hamisah Hamid

+6017-619 3181

+6019-383 3605

wazid.zaidon@perkeso.gov.my

hamisah.hamid@perkeso.gov.my